




**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)**
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
(Ministry of Science, Technology and Innovation)
**Batu 24, Jalan Dengkil,
43800, Dengkil, Selangor**



17 September 2020
Notis Pemberitahuan AELB
Bil. 05/2020

PEMAKAIAN BORANG REKOD PERUBATAN (LPTA/BM/5)
SEKSYEN A SEM.1 DAN KEPERLUAN PENGAMAL PERUBATAN BERDAFTAR
YANG DILULUSKAN UNTUK BERDAFTAR DENGAN MAJLIS PERUBATAN
MALAYSIA (MMC) DAN JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN (JKKP)

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan pemakaian Buku Rekod Perubatan (LPTA/BM/5) Seksyen A (Sem. 1) di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) dan keperluan pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan untuk berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

LATAR BELAKANG

2. Merujuk subseksyen 25(2)(d) dan subseksyen 25(3) Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), pihak berkuasa berkenaan boleh menghendaki pemegang lesen menyediakan pemeriksaan perubatan ke atas pekerja oleh pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan pada lat-lat tempoh yang ditetapkan. Peraturan 27 Peraturan-Peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 juga memperuntukkan bahawa majikan hendaklah menyebabkan supaya pengawasan perubatan dijalankan terhadap pekerjanya oleh pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan. Pemeriksaan kesihatan ini adalah penting untuk memantau tahap kesihatan pekerja sinaran di peringkat pra-pekerjaan, semasa bekerja dan juga semasa persaraan atau apabila pekerjaan ditamatkan.

3. Pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan hendaklah mempunyai pengetahuan dalam bidang kesihatan atau perubatan pekerjaan bagi tujuan mengenal pasti dan merawat penyakit yang berpunca daripada pekerjaan.

KEPUTUSAN AELB

4. Selaras dengan perkembangan semasa yang menggunakan istilah perubatan yang baharu, Jabatan AELB telah mengemas kini Borang LPTA/BM/5 (Seksyen A) Rekod Pemeriksaan Perubatan ke Atas Pekerja Sinaran.

5. Sehubungan dengan itu, pemegang lesen hendaklah merekodkan pemeriksaan perubatan ke atas pekerja dengan melengkapkan Borang LPTA/BM/5 (Seksyen A) Sem. 1 terkini yang boleh dimuat turun secara percuma di laman sesawang Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.

6. Bagi memastikan pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan mempunyai kepakaran untuk melakukan penilaian ke atas pekerja sama ada layak atau tidak layak dari segi perubatan untuk berurusan dengan sinaran mengion di tempat kerja, Jabatan AELB telah memutuskan bahawa pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan hendaklah memenuhi kriteria berikut sebelum diperakukan:

- i. berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC); dan
- ii. berdaftar dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) sebagai Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD).

7. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan permohonan perakuan pengamal perubatan berdaftar berserta surat perakuan seperti di Lampiran 1 secara atas talian untuk mendapatkan kelulusan AELB.

8. Bagi pengamal perubatan berdaftar sedia ada yang mempunyai nombor pendaftaran Doktor Kesihatan Pekerjaan, pemegang lesen hendaklah mengemas kini maklumat tersebut secara atas talian melalui sistem eLesen.

9. Borang LPTA/BM/5 (Seksyen A) yang sedia ada bagi pekerja hendaklah disimpan oleh pemegang lesen dan dikemukakan untuk pemeriksaan Jabatan AELB sekiranya diminta.

10. Selaras dengan keputusan tersebut, Borang LPTA/BM/5 (Seksyen A) adalah **dibatalkan**.

PENGUATKUASAAN KEPUTUSAN

11. Keputusan ini mula berkuatkuasa pada **1 Mac 2021**.

PENUTUP

12. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan Jabatan AELB menggunakan alamat di bawah:

Unit Komunikasi Korporat
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor
No. Tel : +603-89225888
No. Faks : +603-89223685
E-mel : corporate@aelb.gov.my
Laman Web : wwwaelb.gov.my

SURAT PERAKUAN PENGAMAL PERUBATAN BERDAFTAR

Saya(K/P:) dengan ini mengakui, bahawa saya sanggup menjalankan pemeriksaan perubatan terhadap pekerja-pekerja sinaran dari Syarikatmengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.

Butiran Pengamal perubatan berdaftar:

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Alamat

bertugas :

Kelayakan :

No. Pendaftaran Majlis Perubatan Malaysia (MMC) :

No. Pendaftaran Doktor Kesihatan Pekerjaan (JKKP) :

Tandatangan :

Tarikh :

Cop rasmi :

NOTA PENTING:

1. Permohonan perakuan pengamal perubatan berdaftar hendaklah dikemukakan secara atas talian (eLesen) oleh pemegang lesen.
2. Surat perakuan ini hendaklah dimuat naik bersama semasa permohonan perakuan pengamal perubatan berdaftar.